

LAWATAN KERJA KDYMM SPB YANG DI-PERTUAN AGONG KE TAPAK PROJEK SASaR RESIDENSI SATRIA SUNGAI BESI

airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/4906-lawatan-kerja-kdymm-spb-yang-di-pertuan-agong-ke-tapak-projek-sasar-residensi-satria-sungai-besi

KUALA LUMPUR, 30 Apr 19 – Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong XVI, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibnu Sultam Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah telah berkenan mencemar duli ke tapak cadangan Program Satu Anggota Satu Rumah (SASaR) di Sungai Besi, Kuala Lumpur hari ini.



Program yang diperkenalkan pada Tahun 2018 yang bertujuan untuk membantu warga anggota dan veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) untuk memiliki rumah sendiri ini merupakan sebahagian aspek kebajikan yang diperkenalkan dalam ATM.



Kediaman yang diberi nama Residensi Satria Sungai Besi ini telah dibuka untuk pendaftaran bermula 18 Disember 17 yang dirasmikan oleh mantan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussien.



Pada ketika ini Residensi Satria Sungai Besi telah memasuki fasa pra pembinaan dan dijadualkan memulakan proses pembinaan seterusnya pada penghujung tahun 2019. Jumlah permohonan yang diterima untuk projek pertama SASaR setakat ini adalah sebanyak 5,628 pemohon.



Turut hadir Timbalan Panglima Tentera Udara, Lt Jen Dato' Sri Ackbal bin Ab Samad TUDM dan wakil Panglima-panglima Perkhidmatan.



